

TUJUH YANG MUNCUL

Pada 12 November, para pemegang saham Greenyild sebulat suara mengundi untuk menyingkirkan Pengerusi syarikat iaitu Tham Foo Keong dan melantik tujuh pengarah baharu. Persoalannya adakah ini pembaharuan sebenar atau sekadar peralihan kuasa yang didorong oleh ketegangan dalaman dalam kalangan ahli keluarga pengasas Tham?

PERTIKAIAN KELUARGA ATAU DORONGAN UNTUK PERUBAHAN SEBENAR?

Dalam satu gerakan yang bukan sekadar rutin pertukaran ahli Lembaga, para pemegang saham Greenyard Berhad dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 12 November 2025 telah mengundi untuk menyingkirkan Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Tham Foo Keong dan melantik tujuh pengarah baharu.

Foo Keong telah disingkirkan dengan majoriti undian yang besar. Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan sejak 2005, dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif pada Ogos 2023 dan kemudiannya sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada Februari 2025.

Kelulusan lapan resolusi itu menggambarkan lebih daripada sekadar rombakan kepimpinan. Ia membawa mesej yang jelas: pemegang saham sudah muak dengan status quo. Mereka memerlukan perubahan bagi memulihkan keyakinan, seterusnya mendorong perniagaan ke hadapan. Keputusan itu juga mencerminkan kekecewaan yang kian menebal serta gesaan bagi tadbir urus yang lebih kukuh dalam sebuah syarikat yang diasaskan sejak 1937 itu.

Namun di sebalik undian itu, timbul persoalan yang lebih besar. Adakah langkah ini benar-benar suatu pembaharuan atau sekadar topeng kepada persengketaan keluarga yang sudah lama berlarutan?

Undian untuk Perubahan atau ada Sesuatu yang Lain?

Greenyard diasaskan oleh keluarga Tham pada tahun 1937. Syarikat ini bermula sebagai sebuah ladang getah yang sederhana sebelum berkembang menjadi kumpulan pengeluar produk pertanian dan hortikultur.

Ketegangan dalam hubungan adik-beradik ini mula menyerlah apabila tiga bapa saudara mereka iaitu Chong Sing, Foo Choon (kini Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif) dan Fau Sin, cuba menyingkirkan anak Foo Keong, Kin-On daripada jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta beberapa jawatan lain dalam syarikat.

Kin-On dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada 20 Disember 2016 dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada 12 Februari 2025. Pada 8 September, satu notis tuntutan telah dikemukakan kepada Greenyard bagi menyingkirkan Kin-On dan mencadangkan tiga pengarah baharu, termasuk dua sepupunya, Kinyiq dan Kin Wai.

Lembaga menolak tuntutan tersebut pada 17 September dengan alasan bahawa resolusi itu *"tidak jelas dan bukan demi kepentingan Syarikat"*. Namun dua hari kemudian, dalam satu tindakan yang mengejutkan, Kin-On meletakkan jawatan atas alasan peribadi.

Akan tetapi, kudeta korporat ini tidak berakhir di situ.

Pada 30 September, satu lagi notis tuntutan telah dikemukakan, kali ini oleh empat pihak termasuk Chong Sing, yang menuntut penyingkiran Foo Keong dan tiga pengarah bebas serta melantik tujuh pengarah baharu.

Keesokan harinya, ketiga-tiga pengarah bebas tersebut meletakkan jawatan. Notis Khas yang dikemukakan pada 9 Oktober kemudiannya menarik balik resolusi yang berkaitan mereka. Pertelingkahan itu mencapai kemuncaknya pada EGM bertarikh 12 November, apabila pemegang saham meluluskan perubahan besar dalam komposisi Lembaga.

Pertelagahan empat bersaudara dalam perebutan kuasa korporat ini sudah tentu menarik perhatian umum.

Bagi sebahagian pihak, penyingkiran Foo Keong dilihat sebagai tanda pemegang saham mahukan akauntabiliti dan pembaharuan. Namun, rentetan peristiwa yang berlaku sebelum EGM menunjukkan bahawa syarikat itu sedang berdepan masalah dalaman keluarga yang mendalam, lantas menimbulkan persoalan tentang motif sebenar di sebalik perubahan kuasa ini.

Jadi, adakah rombakan Lembaga Pengarah ini didorong oleh usaha murni untuk menambah baik tadbir urus dan prestasi syarikat, atau adakah ia sekadar persengketaan dalam keluarga yang bertopengkan pembaharuan korporat?

Gesaan Pemegang Saham: Masa untuk Haluan Baharu

Walaupun konflik keluarga menjadi latar dramatik kepada peristiwa yang berlaku, keputusan undian tidak dapat dijelaskan melalui faktor itu sahaja. Kekecewaan berpanjangan dalam kalangan pemegang saham minoriti terhadap prestasi syarikat yang lemah serta ketiadaan hala tuju strategik turut memainkan peranan penting.

KUDETA DALAM GREENYIELD

8 September 2025

Pemegang saham yang memiliki sekurang-kurangnya 10% modal saham terbitan Greenyield (termasuk tiga beradik Tham) meminta supaya EGM diadakan bagi menyingkirkan Tham Kin-On (CEO Kumpulan) sebagai pengarah Syarikat, serta melantik tiga pengarah baharu, termasuk dua ahli keluarga Tham.

17 September 2025

Greenyield menolak permintaan untuk mengadakan EGM, dengan alasan resolusi yang dicadangkan "*tidak jelas dan bukan demi kepentingan Syarikat*".

19 September 2025

Kin-On meletakkan jawatan sebagai pengarah Syarikat.

30 September 2025

Satu notis tuntutan baharu dikemukakan kepada Greenyield, kali ini untuk menyingkirkan Tham Foo Keong dan tiga pengarah bebas, serta melantik tujuh pengarah baharu.

1 Oktober 2025

Ketiga-tiga pengarah bebas meletakkan jawatan.

9 Oktober 2025

Pihak pemohon mengeluarkan Notis Khas untuk menarik balik resolusi berkaitan tiga pengarah yang meletakkan jawatan. Resolusi untuk singkirkan Foo Keong kekal.

12 November 2025

Foo Keong disingkirkan dan tujuh pengarah baharu dilantik ke dalam Lembaga.

Sentimen ini menjadi asbab yang menguatkan lagi momentum perubahan dalam EGM, yang akhirnya bertembung dengan konflik dalaman keluarga.

MSWG mengemukakan soalan utama dalam EGM tersebut, meminta penjelasan berhubung alasan penyingkiran Foo Keong. Adakah tindakan ini benar-benar diperlukan atau adakah ia sekadar perebutan kuasa tanpa alasan strategik yang jelas?

Pihak yang menyokong penyingkiran itu menyatakan bahawa keputusan yang diambil mencerminkan kebimbangan pemegang saham:

- Pertumbuhan perniagaan dan pendapatan kekal mendatar. Tiada pelan pemulihan yang jelas.

Dalam tahun kewangan 2024, Greenyield mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM37.40 juta, susut 3.76% daripada RM38.86 juta pada tahun kewangan 2023. Syarikat mencatatkan kerugian sebanyak RM5.16 juta, 48.08% lebih rendah berbanding dengan kerugian pada tahun kewangan 2023 yang berjumlah RM9.94 juta. Kerugian masih berterusan sepanjang sembilan bulan pertama tahun kewangan 2025.

- Dalam tempoh yang panjang, Greenyield tidak mengisytiharkan dividen, suatu pulangan yang mengecewakan para pemegang saham. Kali terakhir Syarikat mengisytiharkan dividen adalah pada tahun kewangan 2021, iaitu dividen akhir satu peringkat sebanyak 0.30 sen sesaham.

Harga saham jatuh daripada lebih 30 sen pada tahun 2021 kepada harga terkini 17.5 sen, didagangkan pada diskaun sebanyak 6 sen berbanding dengan nilai aset bersih sesaham 23.45 sen.

- Pemegang saham minoriti berpendapat bahawa Lembaga gagal menunjukkan hala tuju strategik serta tidak berjaya menambah baik prestasi Syarikat.

MSWG memberikan peluang terakhir kepada Foo Keong untuk berucap sebelum undian dijalankan. Namun, para pemegang saham jelas sudah hilang keyakinan. Kekecewaan yang terpendam selepas bertahun-tahun syarikat mencatatkan prestasi yang lemah, ternyata sukar untuk mereka mengubah keputusan. Pemegang saham bertekad, sudah tiba masanya syarikat mengubah haluan.

Foo Keong mempertahankan prestasinya dengan menjelaskan cabaran luaran yang menjejaskan syarikat, yang mana kesan pasaran yang berlarutan pascapandemik serta lambakan stok global telah menekan harga serta melemahkan daya saing. Namun penjelasan itu tetap gagal memulihkan keyakinan.

Akhirnya, undian yang dibuat mencerminkan hasrat pemegang saham yang jelas untuk memulakan lembaran baharu.

Lembaga Baharu, Susuk-susuk Samar

Pengunduran Foo Keong menandakan perubahan besar dalam hala tuju Greenyard. Tujuh pengarah baharu dilantik untuk menggantikan beliau. Walaupun secara prinsip, pelantikan ini dialu-alukan, proses pelantikan itu sendiri mencetuskan kebimbangan.

Pemegang saham telah diminta mengundi tanpa sebarang maklumat lengkap. Profil pelantikan baharu tidak diedarkan terlebih dahulu. Tiada penerangan rasmi dibuat tentang pengalaman, kelayakan atau kesesuaian mereka dengan strategi syarikat.

Mengenal pasti kelemahan ini, MSWG menggesa Lembaga supaya menyediakan ringkasan latar belakang profesional untuk setiap calon serta menjelaskan bagaimana peranan dan pengalaman mereka sejajar dengan keperluan syarikat, yang semasa dan akan datang. Hal ini bukan perkara baharu dalam mana-mana proses pelantikan ahli lembaga.

Namun maklum balas Lembaga langsung tidak meyakinkan. Mereka hanya menyatakan bahawa semua calon telah mengemukakan akuan berkanun dan didapati “layak dan sesuai” untuk pelantikan itu, tanpa butiran lanjut mengenai pengalaman, rekod prestasi atau kepakaran industri.

Untuk sebuah syarikat yang sedang berusaha memulihkan keyakinan dan membetulkan haluan, masalah ketelusan sebegini melemahkan tujuan sebenar di sebalik pembaharuan Lembaga. Calon hanya diperkenalkan semasa EGM, tanpa masa yang mencukupi untuk membuat penilaian, membuatkan pemegang saham tertanya-tanya. Walaupun Lembaga kemudiannya berjanji akan berkongsi maklumat itu selepas mesyuarat, ramai pihak menganggap tindakan itu sudah terlambat.

Kini, dengan Lembaga baharu memegang kuasa, tumpuan beralih kepada persoalan utama: adakah mereka mampu membuktikan kemampuan dan kredibiliti atau sekadar menjadi perubahan simbolik?

Haluan Seterusnya

Pemugaran Lembaga hanyalah satu permulaan. Ia perlu disusuli dengan pelan operasi yang jelas dan fokus. Pemegang saham mahu melihat bagaimana syarikat akan bangkit semula dan memberikan nilai yang bermakna dalam tempoh mendatang.

Tanpa kemas kini yang telus dan tepat pada masanya, usaha besar ini berisiko kehilangan kredibiliti. Lembaga baharu kini memikul tanggungjawab bukan sekadar memimpin, tetapi bertindak, berkomunikasi dan membuktikan bahawa perubahan ini mampu menghasilkan keputusan yang lebih baik.

EGM ini membuktikan bahawa pemegang saham minoriti mempunyai kuasa mempengaruhi komposisi Lembaga. Namun ia juga mendedahkan kelemahan yang

ketara dari segi pendedahan dan ketelusan, ditambah pula dengan dinamika keluarga, menunjukkan pendekatan tadbir urus yang masih reaktif.

Perubahan tampuk kepimpinan sahaja tidak menjamin kejayaan. Wajah-wajah baharu dalam Lembaga perlu melaksanakan strategi yang kukuh, tadbir urus yang tegas serta komunikasi yang jelas bagi membangkitkan semula keyakinan pemegang saham.

Dalam bulan-bulan akan datang, para pelabur akan memerhati secara rapat sama ada Greenyield mampu menterjemahkan 'reset' Lembaga ini kepada peningkatan prestasi yang nyata, atau sama ada konflik dalaman dan corak pentadbiran lama akan terus membayangi keputusan di sebalik nama-nama baharu ini.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.